



## Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage: [www.akademiarbaru.com/arsbs.html](http://www.akademiarbaru.com/arsbs.html)

ISSN: 2462-1951



### Tahap Kefahaman Wanita Mengenai Tuntutan Harta Sepencarian Selepas Perceraian di Daerah Kuala Langat, Selangor

*Women's Understanding on Separate Property Claims After Divorce in Kuala Langat District, Selangor*

Open Access

Asmak Ibrahim<sup>1,\*</sup>, Nurbazla Ismail<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor, Malaysia

---

#### ARTICLE INFO

**Article history:**

Received 5 January 2018

Received in revised form 11 March 2018

Accepted 21 March 2018

Available online 31 March 2018

---

#### ABSTRACT

Harta sepencarian merupakan harta yang diperoleh semasa dalam tempoh perkahwinan melalui sumbangan secara langsung maupun tidak langsung. Setiap pasangan suami isteri perlu memahami hak masing-masing dalam tuntutan harta sepencarian terutamanya apabila berlaku perceraian. Namun, masih terdapat segelintir masyarakat terutamanya golongan wanita yang tidak memahami sepenuhnya hak-hak tersebut seperti mana yang diperuntukkan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam. Oleh yang demikian, kajian ini dibuat bagi melihat sejauhmana tahap kefahaman wanita terhadap hak harta sepencarian selepas perceraian. Kajian ini melibatkan seramai 384 orang responden yang dipilih secara rawak berstrata daripada penduduk wanita di daerah Kuala Langat. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Manakala proses pengutipan data dilakukan melalui edaran borang soal selidik. Data kajian yang diperolehi diproses dengan menggunakan instrumen SPSS 23 dan dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan tahap kefahaman wanita di daerah Kuala Langat terhadap hak harta sepencarian selepas perceraian berada pada tahap yang tinggi dengan nilai skor min = 2.71. Kajian ini dapat memberi implikasi kepada agensi-agensi yang terlibat dalam membantu meningkatkan tahap kefahaman kepada lebih ramai lagi wanita terhadap hak harta sepencarian selepas perceraian di tempat lain.

*Joint acquired property is a type of property that is gathered during the period of marriage through direct and indirect contribution. Each spouse must understand their rights should they want to claim joint acquired property especially in the case of divorce. However, there are women who do not fully comprehend those rights which are stated under the Enactment of Islamic Family Law. Therefore, this study is conducted to determine the level of women's understanding of the rights of joint acquired property after divorce. This research involved 384 respondents who were chosen through stratified random sampling among the female residence of Kuala Langat district. This study is a form of quantitative descriptive research. The data of this study is collected using a questionnaire. The data of this study is processed using instrument of SPSS version 23.0 and is analyzed descriptively. From the findings of the study, it shows that the women of the district of Kuala Langat's level of understanding of the rights of joint acquired property after divorce is high with a mean score of 2.71.*

---

\* Corresponding author.

E-mail address: [asmak\\_ibrahim@yahoo.com](mailto:asmak_ibrahim@yahoo.com) (Asmak Ibrahim)

---

*It is hoped that this study could give implication to the agencies which are involved in facilitating the enhancement of the level of understanding among women regarding joint acquired property rights after divorce in other places/locations.*

**Kata Kunci:**

Harta sepencarian, perceraian, wanita,  
Kuala Langat, Selangor

*Joint acquired property, divorce, women,  
Kuala Langat, Selangor*

Copyright © 2018 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

## 1. Pendahuluan

Islam telah menetapkan setiap suami perlu bertanggungjawab dalam memimpin rumah tangganya dan memenuhi hak-hak isterinya selari dengan apa yang telah diajar oleh Rasulullah SAW. Dari sudut undang-undang keluarga Islam, hak-hak isteri meliputi hak-hak sebelum, semasa perkahwinan dan selepas perceraian sama ada perceraian hidup atau disebabkan kematian suami. Justeru, sasaran utama kepada perbincangan mengenai pemerkasaan hak-hak isteri adalah kaum lelaki yang bergelar suami ataupun bapa. Namun jika kaum lelaki bersikap amanah dalam menjalankan tanggungjawab sebagai seorang suami, maka jelas tidak akan timbul soal ‘memperkasa’ hak-hak isteri dalam rumah tangga.

Walau demikian, pemerkasaan hak-hak isteri dalam rumah tangga tidak akan berlaku andainya seseorang isteri tidak mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang secukupnya mengenai tujuan perkahwinan dan hak serta tanggungjawab suami isteri. Namun, sebagai syarat seseorang isteri untuk menuntut haknya ialah apabila seseorang isteri itu didapati telah menjalankan tanggungjawabnya dalam rumah tangga dengan sempurna.

Sehubungan itu, jika ditinjau dari sudut kefahaman isteri terhadap hak-hak selepas perceraian, masih terdapat segelintir daripada mereka yang kurang memahami sepenuhnya hak-hak mereka sebagaimana yang terdapat dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam. Oleh yang demikian, kajian ini dibuat bagi melihat sejauhmana tahap kefahaman masyarakat khususnya bagi kaum wanita terhadap hak-hak wanita dalam undang-undang keluarga Islam tersebut.

Bersangkutan dengan hal itu, merujuk kepada Kes *Wan Khairani bt Wan Mahmood Iwn Ismail bin Mohamad* [1] di Kuala Lumpur, Wan Khairani merupakan *plaintif* dan juga isteri yang diceraikan telah menuntut setengah daripada harta-harta bekas suaminya. Pada mulanya *plaintif* telah membuat tuntutan hampir 148 harta tanah dan 44 syarikat sebagai harta sepencarian antara *plaintif* dan *defendant*. Namun begitu, akhirnya *plaintif* telah menyenarai pendek tuntutan tersebut kepada 18 harta dan dua syarikat sahaja. Ini kerana, *defendant* dan syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh *defendant* adalah dua entiti yang berbeza. Ini bermakna, pemilik syarikat dan syarikat adalah berasingan. Maka harta syarikat adalah merupakan harta syarikat semata-mata dan bukannya harta sepencarian. Berdasarkan kes ini, menunjukkan terdapat ketidakfahaman wanita terhadap hak harta sepencarian.

Ini menyokong kajian Samihah Abdul Rahman [2] yang mana hasil kajian beliau menunjukkan 93% berpendapat para isteri berhak membuat tuntutan hak selepas perceraian. Namun, 73% daripada jumlah tersebut berpendapat para isteri berhak membuat tuntutan terhadap harta sepencarian. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat ketidakfahaman bagi isteri yang dicerai di negeri Kelantan terhadap hak-hak selepas perceraian.

Dapatkan ini juga disokong dengan kajian Miszairi Sitiris & Akmal Hidayah Halim [3] yang mengulas berkaitan kes *Hajjah Saudah Iwn Hanafi Hj. Daud* & lain-lain pada tahun 1991, 8 JH 66, pihak yang menuntut merupakan isteri kepada si mati telah menuntut harta sepencarian terhadap empat lot tanah yang didaftarkan atas nama si mati. Pihak yang kena tuntut pula ialah anak-anak si

mati dari isterinya yang kedua (anak tiri pihak yang menuntut). Pihak yang kena tuntut di dalam tuntutan balas mereka menuntut enam lot tanah lain yang didaftarkan di atas nama pihak yang menuntut sebagai harta sepencarian bagi pihak Almarhum bapa mereka. Pihak mahkamah telah memutuskan bahawa empat lot tanah itu adalah harta sepencarian kerana telah dipindah milik di atas nama si mati di dalam tempoh perkahwinan. Begitu juga, enam lot tanah yang didaftarkan atas nama pihak yang menuntut telah dibeli dan dipindah milik semasa si mati masih hidup. Maka, ia turut dianggap sebagai harta sepencarian. Pihak yang menuntut telah membuat rayuan terhadap keputusan mahkamah tinggi yang memutuskan bahawa enam lot tanah yang didaftarkan atas namanya ialah harta sepencarian. Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan telah memberi pilihan kepada perayu (pihak yang menuntut) untuk bersumpah syarie yang enam lot tanah itu adalah miliknya sendiri. Setelah perayu bersumpah syarie, Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa enam lot tanah tersebut bukanlah harta sepencarian dan ia adalah milik perayu persendirian. Ini bermaksud bahawa seandainya perayu enggan bersumpah, tuntutan harta sepencarian oleh waris bagi pihak bapanya boleh diterima sekiranya mereka melakukan *rad al-yamin*. Dengan demikian menunjukkan bahawa terdapat ketidakfahaman di kalangan isteri apabila beliau sendiri tidak memahami konsep harta sepencarian sedangkan harta yang dianggap harta sepencarian sebenarnya adalah miliknya sendiri. Oleh yang demikian, objektif kajian ini dijalankan adalah bagi mengetahui tahap kefahaman wanita terhadap hak harta sepencarian selepas perceraian.

## 2. Harta Sepencarian

Isu berkaitan harta sepencarian bukanlah merupakan sesuatu isu yang baru diperbincangkan. Pendapat ini disokong dengan Nik Noraini Nik Badli Shah [4], yang mengatakan konsep harta sepencarian telah lama wujud di bawah undang-undang adat Melayu, dan kini telah dikanunkan dalam Statut-Statut Undang Keluarga Islam di Malaysia.

Harta atau *al-Mal* di dalam bahasa arab bermaksud segala yang dimiliki. Imam Syafi'ie berpendapat bahawa harta merupakan benda yang ada nilai untuk dijual. Menurut pendapat Mazhab Hanafi pula harta merupakan benda yang boleh dikawal dan boleh diambil faedah daripadanya [5]. Mengikut tafsiran di dalam seksyen 2, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, harta sepencarian ditakrifkan sebagai harta yang diperoleh bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuat kuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh hukum syarak.

Manakala Seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 mentakrifkan harta sepencarian sebagai harta yang diperoleh bersama oleh suami isteri, sama ada secara langsung atau tidak langsung mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak [6]. Berdasarkan ke dua-dua tafsiran tersebut dapat dijelaskan bahawa harta sepencarian merupakan harta yang diperoleh bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuat kuasa sama ada secara langsung atau tidak langsung mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh hukum syarak.

Merujuk kepada kes *Yang Chik Iwn. Abdul Jamal* (1985) 6 JH 146, YA Hakim menyatakan bahawa "Harta sepencarian ialah harta yang diperoleh semasa dalam perkahwinan dengan masing-masing suami isteri sama-sama menyumbang tenaga atau wang ringgit untuk mendapatkan harta" [7]. Begitu juga dengan kes *Piah Bt Said Iwn Che Iah Bin Awang*, (1983) 3 JH 220, Qadi Besar Pulau Pinang telah mendefinisikan harta sepencarian sebagai "Harta yang diperoleh bersama semasa suami isteri itu hidup bersama dan berusaha sama ada kedua-dua mereka sama-sama bekerja dalam bidang yang sama atau dalam bidang yang berlainan dan sama ada secara rasmi atau tidak rasmi sama ada dibahagikan tugas atau tidak" [8].

Begitu juga dengan kes **Noor Bee Iwn Ahmad Shanusi**, JH [1401H] 63, Yang Arif Tuan Hj Harussani bin Hj Zakaria, Kadhi Besar Negeri Pulau Pinang pada masa itu, telah berpendapat:

Harta sepencarian diluluskan oleh syarak atas dasar khidmat dan perkongsian hidup. Isteri mengurus dan mengawal rumah tangga suami keluar mencari nafkah. Isteri, menurut syarak berhak mendapat orang gaji dalam mengurus rumah tangga, jika tidak maka kerja memasak, membasuh dan mengurus rumah hendaklah dianggap sebagai sebahagian dari kerja yang mengurangkan tanggungan suami [9].

Syarak telah mengiktiraf sumbangan ipi melalui firman Allah S.W.T antaranya:  
وَلَا تَمْنَأْ مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضَكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مَّا أَكْسَبُوا وَلِلْأَنْسَاءِ نَصِيبٌ مَّا أَنْتَسْبُونَ وَسُلْطَانًا لِمَنْ فَضَّلَ اللَّهُ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلَيْهَا ۖ ۲۲

Maksudnya:

Dan janganlah kamu terlalu mengharapkan (ingin mendapat) limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian dari kamu (untuk menjadikan mereka) melebihi sebahagian yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran). (Kerana telah tetap) orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan; (maka berusahalah kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurnianya. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

(Surah An-Nisa' 4:32)

Begitu juga di dalam firman Allah S.W.T yang berbunyi:

وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ۖ ۲۲۸

... Dan para wanita mempunyai hak yang seimbang dengan kewajibannya menurut cara yang makruf. Akan tetapi para suami mempunyai satu tingkatan kelebihan daripada istrinya. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

(Surah Al-Baqarah 2:228)

Daripada dalil-dalil atas menunjukkan bahawa, seseorang isteri berhak untuk mendapatkan harta sepencarian selagi mana harta tersebut diperolehi semasa di dalam tempoh perkahwinan, sama ada isteri tersebut memberikan sumbangan secara langsung atau tidak langsung dalam usaha memperoleh harta tersebut.

Al-Jawziyyah (t.t) [10], di dalam karangannya telah menyatakan bahawa:

Yang bermaksud:

Yang demikian, sebilangan besar ahli perundungan Islam telah mengatakan dakwaan 2 orang suami isteri berhubung dengan perabot rumah dan kes 2 orang tukang rumah berhubung dengan sebuah kedai, bahawa pendapat yang mengatakan percakapan orang yang ada menunjukkan satu petunjuk di atas kebenarannya itulah yang diterima. Dan yang tepat dalam persoalan seperti ini tidak boleh dianggap semata-mata kerana memegang dengan tangan atau menguasai atas sesuatu atas sesuatu harta dengan mendapat nama dalam geran tanah dan sebagainya akan menjadikan haknya seorang sahaja, malah adanya sama seperti ketiadaannya, dan jika ini boleh diterima, nescaya kita akan terima juga pengakuan seorang yang merampas serban daripada seorang yang sedang mengikutinya di belakang dalam keadaan kepalanya terdedah tanpa kain serban. Oleh itu kami memutuskan

bahawa ini adalah tangan yang zalim lagi perampas. Maka tidak boleh diterima pengakuannya.

Imam Syafie (1996), telah menyatakan yang bermaksud:

Imam Syafie telah berkata, 'Apabila berlaku pertelingkahan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan terhadap mata benda atau perkakas rumah yang mana kedua mereka mendiami rumah berkenaan, kerana mereka berpisah (bercerai); atau sekali pun tidak berpisah; atau kedua suami isteri itu meninggal dunia; atau salah seorang daripada mereka berdua meninggal dunia; yang mana berlaku pertelingkahan di antara waris kepada kedua-dua pihak atau pertelingkahan oleh waris kepada salah satu dari kedua pihak itu; maka kedudukan cara penyelesaian semuanya adalah serupa...

Kenyataan di atas juga menunjukkan harta sepencarian merupakan hak eksklusif bagi pasangan suami isteri yang masih di dalam tempoh perkahwinan mahupun yang telah bercerai. Malah, sekiranya kedua-dua suami isteri telah meninggal dunia sekalipun; waris bagi kedua-dua belah pihak boleh membuat tuntutan terhadap harta sepencarian tersebut.

Dari segi ambilan syarak pengiktirafan adat atau urf sebagai sumber perundangan telah dijelaskan melalui kaedah fiqh seperti yang dinyatakan oleh Ibn Nujaim dan al-Sayuthi dalam bukunya *al-Asybah Wa al-Nazair*. Mereka berpendapat bahawa adat resam sesuatu bangsa atau kaum yang tidak bertentangan dengan Islam adalah boleh diterima pakai sebagai sebahagian daripada peraturan hidup dan perundangan bagi sesuatu negara. Islam mengiktiraf bahawa adat menjadi salah satu sumber hukum syarak dan ia boleh diterima apabila sudah menjadi kelaziman atau kebiasaan. Berdasarkan pemakaian hukum adat yang diterima dalam perundangan Islam, maka wajar jika harta sepencarian termasuk dalam kategori undang-undang Islam dan ia merupakan adat yang diiktiraf bahawa orang Melayu yang berkahwin dan telah sama-sama berusaha dan harta yang diperoleh daripada usaha sama itu menjadi harta bersama yang dikenali sebagai harta sepencarian [11].

### 3. Metodologi Kajian

Reka bentuk bagi kajian ini ialah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan untuk mengukur tahap pengetahuan dan kefahaman wanita yang merupakan *variable* bersandar (pembolehubah) mengenai hak-hak mereka terhadap harta sepencarian. Set borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen yang utama bagi mengenal pasti sejauh mana tahap kefahaman isteri mengenai hak-hak mereka terhadap harta sepencarian. Set soal selidik ini dibina dan diubahsuai daripada instrumen kajian lepas oleh penyelidik lain iaitu Mohd Khairul Anuar Ismail [12] dengan menggunakan skala tiga mata iaitu 1 (Tidak), 2 (Tidak Pasti) dan 3 (Ya). Data kajian yang diperolehi diproses dengan menggunakan instrumen SPSS 23 dan dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min. Pembahagian skor min 3 mata telah diubahsuai oleh penyelidik lain iaitu Christina Andin, Abdul Said Ambotang dan Musirin Mosin [13] dan telah mencadangkan skor min dibahagi kepada 3 skala bagi memudahkan interpretasi data (Jadual 1). Pengelasan skor min bagi 3 mata adalah seperti berikut

$$\text{Skala} = (\text{nilai skala likert} - 1) / (\text{tahap yang dikehendaki}) = (3-1)/3 = 0.66 \quad (1)$$

Dari sudut pemilihan lokasi kajian, daerah Kuala Langat dipilih kerana majoriti penduduknya adalah beragama Islam. Selain itu, faktor demografi penduduk yang terdiri daripada pelbagai latar belakang iaitu dari segi umur, latar belakang pendidikan, pekerjaan serta status perkahwinan juga

dapat memberikan gambaran mengenai kefahaman mereka berkenaan hak isteri selepas perceraian. Dari sudut penentuan saiz sampel pula, Uma [14] menyarankan penggunaan jadual Krejcie dan Morgan sebagai model terbaik dalam menetukan saiz sampel. Berdasarkan jadual tersebut, bilangan sampel yang tepat adalah seramai 384 orang ke atas bagi bilangan populasi penduduk yang melebihi 200,000. Pemilihan responden dilakukan secara rawak ke atas golongan wanita yang menetap di daerah Kuala Langat.

Bagi tujuan keesahan dan kebolehpercayaan alat kajian, pengesahan telah dilakukan oleh dua orang pakar iaitu pakar dalam bidang Penyelidikan dan juga Undang-undang Keluarga Islam. Bagi menguji kebolehpercayaan ke atas borang soal selidik pula, 30 orang pegawai dan staf Politeknik Banting, Selangor telah diambil secara rawak sebagai sampel bagi kajian rintis. Berdasarkan ujian yang dijalankan, nilai Alpha bagi instrumen kajian ini adalah 0.907. Ini bersesuaian dengan pendapat Chua Yan Piaw [15], yang mana nilai alpha 0.65 hingga 0.95 boleh dianggap memuaskan. Ini menunjukkan bahawa kebolehpercayaan terhadap instrumen ini boleh diterima dan berada pada tahap memuaskan.

### 3. Hasil Kajian dan Perbincangan

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat tahap kefahaman wanita mengenai harta sepencarian selepas perceraian. Edaran soal selidik telah dilakukan terhadap 384 orang responden yang terdiri daripada kakitangan kerajaan, kakitangan swasta, persatuan wanita-wanita dan juga orang perseorangan telah dipilih secara rawak bagi mewakili penduduk wanita di daerah Kuala Langat. Jadual 1 di bawah merupakan demografi keseluruhan responden berdasarkan umur, taraf pendidikan dan status perkahwinan.

**Jadual 1**

Jadual Nilai Skor Min

Julat	Interpretasi
1.00 – 1.66	Tidak (Rendah)
1.67 – 2.33	Tidak Pasti (Sederhana)
2.34 – 3.00	Ya (Tinggi)

#### 3.1 Demografi Responden

Jadual 2 di atas mewakili profil demografi responden berdasarkan umur, taraf pendidikan dan juga status perkahwinan. Bilangan responden yang tertinggi dari segi umur ialah dari kalangan mereka yang berumur 31 hingga 40 tahun iaitu seramai 163 orang dengan peratusan sebanyak 42.4%. Manakala bilangan responden yang paling sedikit pula ialah dari kalangan mereka yang berumur 60 tahun ke atas iaitu seramai 10 orang dengan peratusan sebanyak 2.6%. Dari segi taraf pendidikan pula menunjukkan, bilangan responden yang tertinggi adalah dari kalangan mereka yang memiliki ijazah iaitu seramai 158 orang dengan peratusan sebanyak 41.1%. Manakala bilangan responden yang paling sedikit pula ialah dari kalangan mereka yang memiliki PhD iaitu seorang dengan peratusan 0.3%. Dari sudut taraf perkahwinan pula menunjukkan, bilangan responden yang paling tinggi adalah dari kalangan mereka yang masih bersatus “berkahwin” iaitu seramai 367 orang dengan peratusan sebanyak 95.6%. Manakala bilangan responden yang paling sedikit pula ialah dari

kalangan mereka yang telah bercerai disebabkan kematian iaitu seramai 7 orang dengan peratusan sebanyak 1.8%. Daripada hasil tersebut membuktikan, majoriti responden adalah dari kalangan wanita yang masih berstatus isteri dan sedang berada di fasa pertengahan tempoh perkahwinan. Di samping itu juga hasil kajian telah menunjukkan kebanyakan responden adalah dari kalangan mereka yang berlatarbelakang pendidikan tinggi. Oleh demikian, ini memudahkan lagi proses kajian ini dijalankan kerana menurut Anis Zakaria [16] terdapat hubungan antara taraf pendidikan dengan tahap kefahaman.

**Jadual 2**

Taburan kekerapan responden berdasarkan umur, taraf pendidikan dan status perkahwinan

No.	Pembolehubah demografi	N	%
1	20 – 30 tahun	88	22.9
	31 – 40 tahun	163	42.4
	41 – 50 tahun	97	25.3
	51 – 60 tahun	26	6.8
	60 tahun keatas	10	2.6
2	UPSR	7	1.8
	SRP/PMR	11	2.9
	SPM / SPMV / SMA	83	21.6
	Matrik / STPM / STAM	14	3.6
	Sijil	14	3.6
	Diploma	72	18.8
	Ijazah	158	41.1
	Master	24	6.3
	PhD	1	0.3
3	Berkahwin	367	95.6
	Bercerai Hidup	10	2.6
	Bercerai Mati	7	1.8

### 3.2 Tahap Kefahaman Terhadap Hak Harta Sepencarian Selepas Perceraian

Jadual 3 adalah bertujuan untuk melihat tahap kefahaman isteri terhadap hak harta sepencarian selepas perceraian berdasarkan tahap pendidikan dan status perkahwinan. Bagi item pertama, dapatan kajian menunjukkan majoriti responden memahami bahawa isteri yang diceraikan berhak menuntut harta sepencarian iaitu seramai 365 orang dengan peratusan sebanyak 95.1%. Manakala seramai 2 orang tidak memahami tentang perihal tersebut dengan peratusan sebanyak 0.5%. Selebihnya seramai 17 orang tidak pasti tentang perkara tersebut dengan peratusan sebanyak 4.4%. Hasil kajian juga telah menunjukkan skor min bagi item pertama ialah 2.95 dengan jumlah sisihan piawai sebanyak 0.250. Berdasarkan dapatan terperinci di atas menunjukkan bahawa tahap kefahaman responden terhadap item pertama berada pada tahap yang tinggi. Jika dilihat berdasarkan tahap pendidikan responden pula hasil kajian menunjukkan bahawa golongan yang paling tinggi bersetuju dengan item pertama adalah dari kalangan responden yang berada di tahap UPSR, SRP/PMR, diploma dan juga PhD dengan peratusan masing-masing sebanyak 100.0%. Manakala dari sudut status perkahwinan pula, golongan responden yang telah bercerai sama ada bercerai hidup atau bercerai mati dilihat lebih memahami item kedua

dengan peratusan sebanyak 100.0% berbanding dari kalangan yang mereka yang berstatus berkahwin.

**Jadual 3**

Analisa Aspek Kefahaman Terhadap Hak Harta Sepencarian Selepas Perceraian Berdasarkan Tahap Pendidikan dan Status perkahwinan

Bil.	Item Soalan	Tidak	Tidak pasti	Ya	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1.	Saya mengetahui bahawa isteri yang diceraikan berhak menuntut harta sepencarian	2 (0.5%)	17 (4.4%)	365 (95.1%)	2.95	.250	Tinggi
<b>Tahap Pendidikan:</b>							
	UPSR	0 (0.0%)	0 (0.0%)	7 (100.0%)			
	SRP/PMR	0 (0.0%)	0 (0.0%)	11 (100.0%)			
	SPM/SPMV/SMA	1 (1.2%)	11 (13.3%)	71 (85.5%)			
	Matrik / STPM / STAM	0 (0.0%)	1 (7.1%)	13 (92.9%)			
	Sijil	0 (0.0%)	1 (7.1%)	13 (92.9%)			
	Diploma	0 (0.0%)	0 (0.0%)	72 (100.0%)			
	Ijazah	1 (0.6%)	3 (1.9%)	154 (97.5%)			
	Master	0 (0.0%)	1 (4.2%)	23 (95.8%)			
	PhD	0 (0.0%)	0 (0.0%)	1 (100.0%)			
<b>Status Perkahwinan:</b>							
	Berkahwin	2 (0.5%)	17 (4.6%)	348 (94.8%)			
	Bercerai Hidup	0 (0.0%)	0 (0.0%)	10 (100.0%)			
	Bercerai Mati	0 (0.0%)	0 (0.0%)	7 (100.0%)			

Bil.	Item Soalan	Tidak	Tidak pasti	Ya	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
2.	Isteri yang bekerja sebagai suri rumah berhak untuk menuntut harta sepencarian	6 (1.6%)	87 (22.7%)	291 (75.8%)	2.74	.472	Tinggi
<b>Taraf Pendidikan:</b>							
	UPSR	0 (0.0%)	2 (28.6%)	5 (71.4%)			
	SRP/PMR	0 (0.0%)	1 (9.1%)	10 (90.9%)			
	SPM/SPMV/SMA	0 (0.0%)	23 (27.7%)	60 (72.3%)			
	Matrik / STPM / STAM	0 (0.0%)	3 (21.4%)	11 (78.6%)			

Sijil	0 (0.0%)	3 (21.4%)	11 (78.6%)
Diploma	1 (1.4%)	16 (22.2%)	55 (76.4%)
Ijazah	4 (2.5%)	33 (20.9%)	121 (76.6%)
Master	1 (4.2%)	6 (25.0%)	17 (70.8%)
PhD	0 (0.0%)	0 (0.0%)	1 (100.0%)

**Status Perkahwinan:**

Berkahwin	6 (1.6%)	85 (23.2%)	276 (75.2%)
Bercerai Hidup	0 (0.0%)	0 (0.0%)	10 (100.0%)
Bercerai Mati	0 (0.0%)	2 (28.6%)	5 (71.4%)

Bil.	Item Soalan	Tidak	Tidak pasti	Ya	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
3.	Isteri yang diceraikan berhak menuntut hartamilik suaminya sebelum berkahwin yang diusahakan bersama ketika berkahwin	19 (4.9%)	108 (28.1%)	257 (66.9%)	2.62	.579	Tinggi

**Taraf Pendidikan:**

UPSR	0 (0.0%)	2 (28.6%)	5 (71.4%)
SRP/PMR	0 (0.0%)	1 (9.1%)	10 (90.9%)
SPM/SPMV/SMA	1 (1.2%)	22 (26.5%)	60 (72.3%)
Matrik / STPM / STAM	0 (0.0%)	4 (28.6%)	10 (71.4%)
Sijil	0 (0.0%)	4 (28.6%)	10 (71.4%)
Diploma	5 (6.9%)	23 (31.9%)	44 (61.1%)
Ijazah	9 (5.7%)	45 (28.5%)	104 (65.8%)
Master	4 (16.7%)	7 (29.2%)	13 (54.2%)
PhD	0 (0.0%)	0 (0.0%)	1 (100.0%)

**Status Perkahwinan:**

Berkahwin	17 (4.6%)	106 (28.9%)	244 (66.5%)
Bercerai Hidup	1 (10.0%)	2 (20.0%)	7 (70.0%)
Bercerai Mati	1 (14.3%)	0 (0.0%)	6 (85.7%)

Bil.	Item Soalan	Tidak	Tidak pasti	Ya	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
4.	Penglibatan isteri dalam tugas-tugas suami walaupun secara tidak langsung seperti menguruskan rumah tangga dianggap sumbangan dalam perolehan harta	11 (2.9%)	129 (33.6%)	244 (63.5%)	2.61	.545	Tinggi
<b>Taraf Pendidikan:</b>							
	UPSR	0 (0.0%)	4 (57.1%)	3 (42.9%)			
	SRP/PMR	1 (9.1%)	3 (27.3%)	7 (63.6%)			
	SPM/SPMV/SMA	2 (2.4%)	37 (44.6%)	44 (53.0%)			
	Matrik / STPM / STAM	0 (0.0%)	4 (28.6%)	10 (71.4%)			
	Sijil	0 (0.0%)	3 (21.4%)	11 (78.6%)			
	Diploma	1 (1.4%)	24 (33.3%)	47 (65.3%)			
	Ijazah	5 (3.2%)	45 (28.5%)	108 (68.4%)			
	Master	2 (8.3%)	8 (33.3%)	14 (58.3%)			
	PhD	0 (0.0%)	1 (100.0%)	0 (0.0%)			
<b>Status Perkahwinan:</b>							
	Berkahwin	11 (3.0%)	125 (34.1%)	231 (62.9%)			
	Bercerai Hidup	0 (0.0%)	2 (20.0%)	8 (80.0%)			
	Bercerai Mati	0 (0.0%)	2 (28.6%)	5 (71.4%)			

Bil.	Item Soalan	Tidak	Tidak pasti	Ya	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
5.	Tuntutan harta sepencarian boleh dilakukan walaupun jika salah seorang suami isteri telah meninggal dunia	11 (2.9%)	121 (31.5%)	252 (65.6%)	2.63	.540	Tinggi
<b>Taraf Pendidikan:</b>							
	UPSR	0 (0.0%)	4 (57.1%)	3 (42.9%)			
	SRP/PMR	0 (0.0%)	1 (9.1%)	10 (90.9%)			
	SPM/SPMV/SMA	0 (0.0%)	32 (38.6%)	51 (61.4%)			
	Matrik / STPM / STAM	2 (14.3%)	7 (50.0%)	5 (35.7%)			
	Sijil	0	4	10			

	(0.0%)	(28.6%)	(71.4%)
Diploma	2 (2.8%)	20 (27.8%)	50 (69.4%)
Ijazah	6 (3.8%)	46 (29.1%)	106 (67.1%)
Master	1 (4.2%)	7 (29.2%)	16 (66.7%)
PhD	0 (0.0%)	0 (0.0%)	1 (100.0%)
<b>Status Perkahwinan:</b>			
Berkahwin	11 (3.0%)	117 (31.9%)	239 (65.1%)
Bercerai Hidup	0 (0.0%)	2 (20.0%)	8 (80.0%)
Bercerai Mati	0 (0.0%)	2 (28.6%)	5 (71.4%)

Item kedua pula berkaitan kefahaman isteri terhadap hak harta sepencarian selepas perceraian, menunjukkan jumlah responden yang memahami bahawa isteri yang bekerja sebagai suri rumah berhak untuk menuntut harta sepencarian iaitu seramai 291 orang dengan peratusan sebanyak 75.8%. Manakala seramai 6 orang tidak memahami tentang perihal tersebut dengan peratusan sebanyak 1.6%. Selebihnya seramai 87 orang pula tidak pasti tentang perkara tersebut dengan peratusan sebanyak 22.7%. Hasil kajian juga telah menunjukkan skor min bagi item kedua ialah sebanyak 2.74 dengan jumlah sisihan piawai sebanyak 0.472. Berdasarkan keputusan di atas menunjukkan bahawa tahap kefahaman responden terhadap item kedua juga berada pada tahap yang tinggi. Jika ditinjau dari sudut pendidikan responde, hasil kajian menunjukkan golongan responden yang memiliki PhD dan SRP/ PMR berada dikedudukan tertinggi dengan peratusan masing-masing sebanyak 100.0% dan 90.9%. Manakala dari sudut status perkahwinan pula, golongan responden yang telah bercerai hidup dilihat berada di kedudukan tertinggi dengan peratusan sebanyak 100.0% berbanding dari kalangan isteri yang berstatus berkahwin dan bercerai mati.

Item ketiga pula berkaitan kefahaman isteri terhadap hak harta sepencarian selepas perceraian, dapatkan kajian menunjukkan jumlah responden yang memahami bahawa isteri yang diceraikan berhak menuntut harta milik suaminya sebelum berkahwin yang diusahakan bersama ketika berkahwin iaitu seramai 257 orang dengan peratusan sebanyak 66.9%. Manakala seramai 19 orang tidak memahami tentang perihal tersebut dengan peratusan sebanyak 4.9%. Selebihnya seramai 108 orang pula tidak pasti tentang perkara tersebut dengan peratusan sebanyak 28.1%. Hasil kajian juga telah menunjukkan skor min bagi item ketiga ialah sebanyak 2.62 dengan jumlah sisihan piawai sebanyak 0.579. Berdasarkan keputusan di atas mencatatkan bahawa tahap kefahaman responden terhadap item ketiga juga berada pada tahap yang tinggi. Jika dikaitkan dengan tahap pendidikan responden pula, hasil kajian menunjukkan golongan responden yang memiliki PhD dan SRP/ PMR juga berada dikedudukan tertinggi dengan peratusan masing-masing sebanyak 100.0% dan 90.9%. Manakala dari sudut status perkahwinan pula, golongan responden yang telah bercerai mati dilihat berada di kedudukan tertinggi dengan peratusan sebanyak 85.7% berbanding dari kalangan isteri yang berstatus berkahwin dan bercerai hidup.

Item keempat pula berkaitan kefahaman isteri terhadap hak harta sepencarian selepas perceraian, dapatkan kajian menunjukkan jumlah responden yang memahami bahawa penglibatan isteri dalam tugas-tugas suami walaupun secara tidak langsung seperti menguruskan rumah tangga

dianggap sumbangan dalam perolehan harta iaitu seramai 244 orang dengan peratusan sebanyak 63.5%. Manakala seramai 11 orang tidak memahami tentang perihal tersebut dengan peratusan sebanyak 2.9%. Selebihnya seramai 129 orang pula tidak pasti tentang perkara tersebut dengan peratusan sebanyak 33.6%. Hasil kajian juga telah menunjukkan skor min bagi item keempat ialah sebanyak 2.61 dengan jumlah sisihan piawai sebanyak 0.545. Berdasarkan keputusan di atas menunjukkan bahawa tahap kefahaman responden terhadap item keempat juga berada pada tahap yang tinggi. Jika dikaitkan dengan tahap pendidikan pula hasil kajian menunjukkan golongan responden yang berada diperingkat sijil berada dikedudukan tertinggi dengan peratusan 78.6%. Manakala dari sudut status perkahwinan pula, golongan responden yang telah bercerai hidup dilihat lebih memahami item keempat dengan peratusan 80.0% berbanding dari kalangan isteri yang berstatus berkahwin dan bercerai mati.

Item kelima pula berkaitan kefahaman isteri terhadap hak harta sepencarian selepas perceraian, dapatan kajian menunjukkan jumlah responden yang memahami bahawa tuntutan harta sepencarian boleh dilakukan walaupun jika salah seorang suami isteri telah meninggal dunia iaitu seramai 252 orang dengan peratusan 65.6%. Manakala seramai 11 orang tidak memahami tentang perihal tersebut dengan peratusan sebanyak 2.9%. Selebihnya seramai 121 orang pula tidak pasti tentang perkara tersebut dengan peratusan sebanyak 31.5%. Hasil kajian juga telah menunjukkan skor min bagi item kelima ialah sebanyak 2.63 dengan jumlah sisihan piawai sebanyak 0.540. Berdasarkan keputusan di atas menunjukkan bahawa tahap kefahaman responden terhadap item kelima juga berada pada tahap yang tinggi. Jika dikaitkan dengan tahap pendidikan responden pula, hasil kajian menunjukkan golongan responden yang memiliki PhD dan SRP/ PMR berada dikedudukan tertinggi dengan peratusan masing-masing sebanyak 100.0% dan 90.9%. Manakala dari sudut status perkahwinan pula, golongan responden yang telah bercerai hidup dilihat lebih memahami item kelima dengan peratusan 80.0% berbanding dari kalangan mereka yang berstatus berkahwin dan bercerai mati.

Berdasarkan Jadual 3 di atas juga menunjukkan pengetahuan responden berkenaan isteri yang diceraikan berhak menuntut harta sepencarian telah mencatatkan keputusan yang tertinggi dengan nilai min = 2.95 dan sp = 0.250. Sementara itu, kefahaman responden tentang isteri yang bekerja sebagai suri rumah berhak untuk menuntut harta sepencarian telah mencatatkan keputusan ke dua tertinggi dengan nilai min = 2.74 dan sp = 0.472. Seterusnya, diikuti dengan kefahaman responden berkenaan tuntutan harta sepencarian boleh dilakukan walaupun jika salah seorang suami isteri telah meninggal dunia dengan catatan min = 2.63 dan sp = 0.540, diikuti kefahaman responden tentang isteri yang diceraikan berhak menuntut harta milik suaminya sebelum berkahwin yang diusahakan bersama ketika berkahwin dengan catatan min = 2.62 dan sp = 0.579. Sementara itu, kefahaman responden berkenaan penglibatan isteri dalam tugas-tugas suami walaupun secara tidak langsung seperti menguruskan rumah tangga dianggap sumbangan dalam perolehan harta telah mencatatkan min yang paling rendah iaitu 2.61 dan sp = 0.545. Secara puratanya tahap kefahaman responden terhadap harta sepencarian selepas perceraian berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min = 2.71. Jika dikaitkan dengan tahap pendidikan responden dan status perkahwinan pula, daripada hasil kajian menunjukkan tahap pendidikan responden tidak mempengaruhi tahap kefahaman mereka terhadap tuntutan harta sepencarian. Berbeza dari sudut status perkahwinan, daripada hasil kajian menunjukkan status perkahwinan responden mempengaruhi tahap kefahaman mereka terhadap tuntutan harta sepencarian. Ini kerana golongan isteri yang telah bercerai dilihat lebih memahami terhadap tuntutan tersebut.

#### 4. Kesimpulan

Syarak telah membenarkan tuntutan harta sepencarian bagi isteri yang bercerai disebabkan talak atau kematian asalkan bertepatan dengan syarat-syarat yang telah digariskan oleh Undang-Undang Keluarga Islam dengan berpandukan kepada syariat. Syarat-syarat yang dimaksudkan adalah harta sepencarian yang dituntut hendaklah merupakan harta yang dimiliki semasa dalam tempoh perkahwinan yang meliputi harta alih atau tak alih. Selain daripada itu, pasangan suami isteri telah memberikan sumbangan dalam perolehan harta tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Namun begitu, tuntutan terhadap harta sepencarian tidak akan berlaku seandainya tidak ada kesedaran dalam kalangan wanita untuk meningkatkan kefahaman terhadap hak harta sepencarian. Justeru itu, hasil daripada dapatan-dapatan yang diperolehi, penyelidik mancadangkan lebih banyak kajian berkaitan harta sepencarian dijalankan supaya dapat meningkatkan lagi pengetahuan dan kefahaman wanita terhadap hak harta sepencarian di tahap yang maksimum seterusnya meningkatkan kesedaran wanita terhadap isu ini.

#### Rujukan

- [1] [2011] 3 ShLR.
- [2] Samihah Abdul Rahman, 2000. "Hak-hak Wanita selepas Perceraian Mengikut Hukum Syarak". Disertasi Sarjana Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [3] Miszairi Sitiris & Akmal Hidayah Halim, "Tuntutan Harta Sepencarian Dalam Kes Kematian" dlm. Makalah Kanun Jilid 22 Bil. 1, 2010.
- [4] Nik Noraini Nik Badli Shah, 2002. Perkahwinan dan Perceraian di bawah Undang-Undang Islam. Selangor: International Law Book Services.
- [5] Kamaazura Md Kamel, 2010 . Dari Kamar Syariah. Selangor: Karya Bestari Sdn Bhd.
- [6] Nur Shafiqqah Mudran & Zuliza Mohd Kusrin, "Tuntutan Harta Sepencarian di Mahkamah Syariah Sabah" dlm. Isu Syariah dan Undang-Undang Siri 22. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- [7] [2016] 3 ShLR 8.
- [8] Miszairi Sitiris & Akmal Hidayah Halim, 2010
- [9] [2011] 4 ShLR 21.
- [10] al-Jawziyyah, Ibnu Qayyim, t.t. at-Turuq al-Hukmiyyah fi as-Siayaasah asy-Syar'iyyah. Beirut: Darul Ihayil Ulum.
- [11] Ibid
- [12] Mohd Khairul Anuar Ismail, 2014. "Kefahaman wanita terhadap peruntukan hak selepas bercerai menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6/2002: Kajian Di Kota Bharu". Disertasi Sarjana Pegajian Islam, Universiti Malaya. 2014.
- [13] Christina Andin, Abdul Said Ambotang & Musirin Mosin, 2014. "Penerimaan Remaja Melayu Terhadap Gaya Keibubapaan". Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014 (SKIK 2014). Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah. 11 Disember.
- [14] Uma Sakaran. 2003. Research Methode For Business: A Skill Building Approach. 4th Edition. John Willey & Sons, Inc: United States of America.
- [15] Chua Yan Piaw, 2006. Asas Statistik Penyelidikan : Kaedah dan Statistik. Kuala Lumpur : McGraw Hill.
- [16] Anis Zakaria, 2001. "Kefahaman dan keyakinan guru-guru ekonomi rumah tangga di Negeri Selangor dalam penilaian berformat baru". Tesis Ijazah Master Sains Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. 2001